

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)39

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

39. Nyatakan sebabnya Konsert Viral Lagu TikTok pada 30 September 2023 di Dewan Millenium dibatalkan dan kemudian dilaporkan akan dipindahkan ke Batu Kawan, apakah statusnya dan kerugian atas pembatalan ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

39. Konsert Viral Lagu TikTok yang dijadualkan pada 30 September 2023 di Dewan Millenium dibatalkan kerana pihak penganjur dari pihak swasta bersetuju untuk memindahkan lokasi penganjuran ke Stadium Batu Kawan berikutan terdapat bantahan daripada pihak tertentu.

Walau bagaimanapun, penganjuran konsert di Stadium Batu Kawan tidak diteruskan berikutan permasalahan dokumentasi daripada agensi teknikal lain yang tidak dapat disediakan oleh pihak penganjur.

Sehingga kini, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak menerima sebarang permohonan baru daripada penganjur untuk menjalankan penganjuran konsert berkenaan di Seberang Perai. Sekiranya pihak penganjur mengemukakan permohonan yang lengkap, maka pihak MBSP akan memproses mengikut tatacara yang sedia ada.

Kerugian yang ditanggung oleh MBSP adalah sebanyak RM20.00 iaitu bagi bayaran lesen hiburan sementara. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan jumlah kerugian yang ditanggung oleh pihak penganjur.